

13/12/1999

Tindakan PM penuhi kehendak rakyat

KOTA BHARU, Ahad - Ketiadaan wakil Kelantan menganggotai Kabinet baru yang diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin, dianggap sebagai 'memenuhi kehendak rakyat negeri ini sendiri'.

Pengerusi Media Seranta Barisan Nasional (BN) Kelantan, Rahimie Yusoff, berkata ini kerana rakyat menolak segala pembangunan yang dijanjikan oleh kerajaan Pusat.

Menurutnya, Perdana Menteri sudah pun memberi peluang kepada mereka membuat penilaian melalui proses pilihan raya lalu, tetapi ternyata mereka menolak peluang itu.

"Oleh itu, langkah Perdana Menteri tidak melantik pemimpin BN dari Kelantan menganggotai barisan Kabinet kali ini adalah wajar dan tidak boleh dipersalahkan kepada mana-mana pihak," katanya.

Beliau diminta mengulas mengenai tidak ada seorang pun pemimpin Umno yang mewakili Kelantan dalam barisan baru Kabinet sebagaimana diumumkan Dr Mahathir, Jumaat lalu.

Sebelum ini, dua menteri penuh dan seorang timbalan menteri sebagai mewakili Kelantan dalam Kabinet yang bertanggungjawab menyalurkan pembangunan di negeri ini.

Mereka tewas dalam pilihan raya umum lepas di peringkat Parlimen masing-masing.

Menurut Mohd Rahimie, rakyat Kelantan tidak boleh menyalahkan pihak lain jika mereka tidak menikmati kemajuan sebagaimana dinikmati rakyat negeri lain, selagi mereka masih berada di bawah belunggu kerajaan Pas.

Katanya, semua pihak tidak boleh menafikan kemajuan yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat, termasuk membiayai elaun 7,000 kakitangan di bidang agama, seperti guru kelas fardu ain (Kafa) dan mubaligh melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP).

(END)